## BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas soalan yang diperkenalkan pada tahun ini, mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Calon dikehendaki menjawab dalam masa dua jam tiga puluh minit. Pembahagian soalan adalah seperti berikut:

Bahagian A Mengandungi empat soalan struktur iaitu dua soalan daripada Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan Empat dan dua soalan daripada Sukatan Pelajaran Sejarah Tingkatan Lima. Manakala bahagian B pula Mengandungi lima soalan esei iaitu dua soalan daripada sukatan Pelajaran Tingkatan Empat dan tiga soalan daripada Sukatan Pelajaran Tingkatan Lima. Calon dikehendaki menjawab tiga soalan sahaja.

## PRESTASI KESELURUHAN

Prestasi keseluruhan calon pada tahun ini lebih baik berbanding dengan tahun sebelumnya. Terdapat peningkatan daripada aspek mutu jawapan terutama untuk soalan berbentuk KBKK. Begitu juga berlaku peningkatan daripada aspek jumlah markah yang diperoleh calon. Kebanyakan calon dapat mengemukakan jawapan yang baik dan menepati kehendak tugasan. Namun begitu, masih terdapat segelintir calon yang gagal menguasai isi kandungan pelajaran. Hal ini menyebabkan kualiti jawapan mereka kurang memberangsangkan dan tersasar daripada kehendak tugasan. Malahan terdapat ceraian soalan yang tidak dijawab langsung oleh calon.

## PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON (LAMPIRAN)

### Kumpulan Tinggi

Jawapan calon menepati tugasan soalan. Calon-calon memahami dengan jelas penggunaan kata tugas dalam soalan. Calon-calon berupaya mengemukakan jawapan yang tepat berdasarkan kata tugas yang digunakan. Contohnya, calon-calon tidak menghuraikan jawapan dengan panjang lebar apabila soalan menggunakan kata tugas "*senaraikan*", "*jelaskan*" dan "*mengapakah*". Apabila soalan menggunakan kata tugas "*terangkan*" dan "*huraikan*", calon-calon memberikan penerangan dan huraian yang sesuai dengan tugasan soalan. Huraiannya tepat, jelas dan mudah difahami.

Jawapan calon ringkas tetapi padat. Kebanyakan jawapan calon untuk setiap soalan tidak melebihi dua muka surat. Fakta yang dikemukakan menepati kehendak soalan. Isi dikemukakan dengan tepat dan bernas. Setiap fakta yang dikemukakan dihuraikan secara jelas dan disertakan dengan contoh-contoh yang relevan.

Jawapan yang dikemukakan menepati kehendak tugasan. Kaedah menjawab mematuhi format pentaksiran yang diterima pakai oleh LPM. Calon-calon menjawab dalam bentuk struktur dan esei. Arahan dan tugasan soalan dipatuhi dengan baik oleh calon. Soalan yang meminta calon mengemukakan *dua*, *tiga*, dan *empat* isi dikemukakan dengan tepat. Kebanyakan calon mengemukakan lebih daripada jumlah isi yang diarahkan oleh soalan.

### Kumpulan Sederhana

Sebahagian besar calon dalam kumpulan ini berjaya menjawab soalan dengan baik. Calon-calon berupaya menyampaikan fakta menepati tugasan soalan. Calon dapat menguasai dengan baik Soalan 1 dan Soalan 2. Penguasaan calon kurang baik pada Soalan 3 dan Soalan 4. Calon-calon tidak menguasai sepenuhnya soalan-soalan yang dijawab. Manakala penguasaan calon dalam Bahagian B pula terserlah melalui Soalan 5 dan Soalan 6 sahaja. Kualiti jawapan untuk Soalan 7, Soalan 8 dan Soalan 9 agak sederhana.

Calon yang selebihnya di dalam kumpulan ini menunjukkan prestasi yang kurang memberangsangkan. Calon-calon menunjukkan prestasi baik sewaktu menjawab soalan Bahagian A. Dalam Soalan 1 dan Soalan 2, calon-calon berupaya mengemukakan fakta yang tepat untuk setiap ceraian soalan. Walau bagaimanapun, kualiti jawapan untuk Soalan 3 dan Soalan 4 agak sederhana. Calon-calon dapat menjawab sebahagian daripada ceraian soalan yang ditawarkan. Dalam soalan 3, calon-calon dapat mengemukakan fakta yang tepat untuk ceraian soalan (a), (b) dan (c). Manakala Soalan ceraian (d) dan (e) diabaikan oleh calon. Jika ada calon yang menjawab ceraian soalan tersebut, jawapannya tersasar daripada kehendak tugasan.

Dalam Soalan 4, calon-calon kurang memahami kehendak soalan. Kebanyakan jawapan calon ini tersasar daripada kehendak soalan. Calon-calon berupaya mengemukakan isi yang tepat untuk soalan ceraian (a) dan (b) sahaja.

Kualiti jawapan untuk soalan Bahagian B tidak begitu baik. Sebahagian besar calon hanya menjawab dua ceraian bagi setiap soalan. Sebilangan kecil sahaja yang menjawab semua ceraian soalan.

Calon juga kurang memahami kehendak tugasan dan soalan. Soalan-soalan yang meminta calon mengemukakan fakta dapat dijawab oleh calon dengan baik. Contohnya, Soalan 5 (c), Soalan 6 (a), Soalan 7 (b) dan Soalan (c), Soalan 8 (b) dan Soalan (c) serta Soalan 9 (b) dan Soalan (c). Calon-calon berupaya mengemukakan fakta yang menepati kehendak soalan. Bagaimanapun, banyak fakta yang sepatutnya dikemukakan oleh calon tidak disertakan. Soalan-soalan 5 (a) dan 5 (b), Soalan 6 (b), Soalan 7 (a), dan Soalan 8 (a) memerlukan calon membuat huraian atau penerangan terhadap fakta yang dikemukakan sebagai jawapan. Bagaimanapun, jawapan calon tidak mencakupi kehendak soalan. Calon-calon hanya mengemukakan fakta sahaja. Fakta yang diberikan pula, tidak disokong dengan hujah dan huraian yang sepatutnya. Kebanyakan calon tidak menghuraikan isi yang dikemukakan. Contoh-contoh yang relevan juga tidak dikemukakan bagi menyokong huraian.

Soalan-soalan yang berbentuk KBKK tidak dimanfaatkan sepenuhnya oleh calon. Calon kurang yakin dalam mengemukakan idea mengikut tugasan soalan. Calon juga tidak berupaya mengaplikasikan fakta-fakta Sejarah menepati tugasan soalan. Calon juga tidak berjaya mengaitkan pengetahuan Sejarah dengan kehendak soalan.

**Kumpulan Lemah**

Calon tidak memahami tugasan dan kehendak soalan. Jawapan calon tersasar daripada tugasan dan kehendak soalan. Calon mengemukakan fakta yang tiada kaitan dengan kehendak soalan. Jawapan calon tidak mencakupi tugasan soalan. Kebanyakan calon tidak berjaya memahami kehendak soalan. Keadaan ini menyebabkan calon menjawab secara rambang.

Calon hanya mengemukakan fakta sahaja. Fakta ini tidak dihuraikan walaupun tugasan soalan meminta calon berbuat demikian. Fakta yang dikemukakan pula tidak cukup dengan bilangan fakta yang diarahkan dalam tugasan soalan contohnya: empat, tiga, dua dan sebagainya.

Calon tidak mempunyai pengetahuan berkaitan tajuk yang dikemukakan dalam soalan. Calon mengemukakan fakta yang salah dan tidak berkaitan dengan kehendak soalan.

Calon menyalin semula soalan atau pernyataan soalan. Keadaan ini menunjukkan calon tidak mematuhi arahan menjawab.

Calon hanya menjawab Bahagian A sahaja, manakala Bahagian B diabaikan. Terdapat juga calon yang tidak menjawab sepenuhnya Bahagian B. Calon hanya menjawab satu atau dua soalan sahaja daripada Bahagian B. Di samping itu ada juga calon yang menjawab dalam bentuk *point form* dan jadual.

**PRESTASI TERPERINCI**

**BAHAGIAN A – SOALAN STRUKTUR**

Soalan 1 (a)

Calon cemerlang memberikan jawapan yang tepat dan jelas.

1 Sistem demokrasi yang diperkenalkan di Athens lebih kurang 3 000 tahun [redacted]hulu telah diwarisi oleh hampir semua negara di dunia pada hari ini.

(*a*) Apakah maksud demokrasi?

Demokrasi ialah kerjasama politik yang melibatkan rakyat untuk memilih wakil rakyat yang diingini.

1 [1 mar[redacted]]

Calon sederhana memberikan jawapan yang bersifat umum sahaja

1 Sistem demokrasi yang diperkenalkan di Athens lebih kurang 3 000 tahun dahulu telah diwarisi oleh hampir semua negara di dunia pada hari ini.

(*a*) Apakah maksud demokrasi?

Pembentukan kerajaan ditentukan oleh rakyat negara tersebut.

1 [1 *markah*]

Calon lemah menjawab tidak menepati kehendak tugasan soalan

1 Sistem demokrasi yang diperkenalkan di Athens lebih kurang 3 000 tahun dahulu telah diwarisi oleh hampir semua negara di dunia pada hari ini.

(*a*) Apakah maksud demokrasi?

orang ramai mendengar ceramah politik

0 [1 *markah*]

Soalan 1 (b)

Calon cemerlang dapat menyatakan tiga ciri sistem pemerintahan demokrasi dengan tepat.

(*b*) Nyatakan **tiga** ciri sistem pemerintahan demokrasi yang diamalkan di Athens.

(i) Mempunyai dewan perhimpunan dan ahli majlis.

(ii) Dewan bersidang sebanyak 3 kali sebulan.

(iii) ~~Diang~~ Dianggotai oleh kaum lelaki yang telah dewasa.

[3 *markah*]

3

Calon sederhana memberikan fakta tanpa huraian

(*b*) Nyatakan **tiga** ciri sistem pemerintahan demokrasi yang diamalkan di Athens.

(i) Dewan Perhimpunan ✓

(ii) Majlis ✓

(iii) Dewan Negara ✗

[3 *markah*]

2

Calon lemah memberikan jawapan yang terkeluar daripada kehendak tugasan soalan.

(*b*) Nyatakan **tiga** ciri sistem pemerintahan demokrasi yang diamalkan di Athens.

(i) ~~Monarki~~ ~~di~~ mempunyai Dewan Rakyat ✗

(ii) ~~Republik~~ konsul ✗

(iii) ~~Aristokrasi~~ Dewan Perhimpunan ✓
~~Tirani~~

[3 *markah*]

1

Soalan 1 (c)

Calon cemerlang dapat menyenaraikan dua buah negara yang mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi dengan tepat.

(*c*) Senaraikan **dua** buah negara yang mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi pada hari ini.

(i) Malaysia. ✓

(ii) Thailand ✓

Singapura. ~~Indonesia~~

[2 *markah*]

Calon sederhana dapat menyenaraikan nama negara yang mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi tetapi tidak lengkap.

(*c*) Senaraikan **dua** buah negara yang mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi pada hari ini.

(i) Amerika ✓

(ii) England ✓

2 [2 *markah*]

Calon lemah menyenaraikan nama negara yang tidak mengamalkan sistem demokrasi.

(*c*) Senaraikan **dua** buah negara yang mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi pada hari ini.

(i) China ✗

(ii) Rusia ✗

0 [2 *markah*]

Soalan 1 (d)

Calon cemerlang dapat menyenaraikan ciri-ciri kepimpinan dalam sistem demokrasi dengan tepat.

(*d*) Sekiranya anda dilantik sebagai pemimpin di sebuah negara yang mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi, apakah ciri-ciri kepimpinan yang akan anda amalkan?

(i) Adil dan saksama

(ii) Sentiasa menjaga kebajikan dan keselesaan rakyat

2 [2 *markah*]

Calon sederhana dapat menyenaraikan jawapan yang munasabah.

Indonesia.

(*d*) Sekiranya anda dilantik sebagai pemimpin di sebuah negara yang mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi, apakah ciri-ciri kepimpinan yang akan anda amalkan?

(i) Kebebasan hak bersuara.

(ii) Jujur dan dalam menjalankan tugas sebagai pemimpin yang telah dipilih oleh rakyat.

2 [2 *markah*]

Calon lemah hanya dapat menyenaraikan satu sahaja jawapan yang betul.

(*d*) Sekiranya anda dilantik sebagai pemimpin di sebuah negara yang mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi, apakah ciri-ciri kepimpinan yang akan anda amalkan?

(i) Pemimpin yang adil tidak kira bangsa dan agama

(ii) Pemimpin yang mementingkan kaumnya sahaja.

1 [2 *markah*]

Soalan 1 (e)

Calon cemerlang dapat memberikan pandangan secara kritis.

(*e*) **Pada pandangan anda, apakah kebaikan sistem pemerintahan demokrasi kepada sesebuah negara?**

(i) Dapat ~~mem~~ menentukan kerajaan yang ~~ingin~~ mentadbir negara.

(ii) Dapat mengubah corak pentadbiran mengikut kerajaan yang memimpin.

**[2 *markah*]**

Rakyat dapat ~~terlibat~~ melibatkan diri dalam pentadbiran negara.

2

Calon sederhana memberikan jawapan secara ringkas sahaja.

(*e*) Pada pandangan anda, apakah kebaikan sistem pemerintahan demokrasi kepada sesebuah negara?

(i) Politik Stabil

(ii) Ekonomi maju

[2 *markah*]

2

Calon lemah tidak dapat memberikan pandangan sebagai mana kehendak tugasan soalan.

(*e*) Pada pandangan anda, apakah kebaikan sistem pemerintahan demokrasi kepada sesebuah negara?

(i) ~~dapat~~ membolehkan pergeduhan kaum dielakkan

(ii) Negara tidak diserang musuh

1 [2 *markah*]

Soalan 2 (a)

Calon cemerlang dapat menyenaraikan dua pihak yang menandatangani Perjanjian Hudaibiyah.

Jadual berikut menerangkan tentang Perjanjian Hudaibiyah.

| Tahun | Peristiwa |
|---|---|
| 628 Masihi bersamaan 6 Hijrah | Perjanjian Hudaibiyah dimeterai |

(*a*) Senaraikan **dua** pihak yang menandatangani perjanjian tersebut.

(i) Nabi Muhammad ( wakil orang Islam Madinah )

(ii) Suhail Amru ( ~~pihak~~ wakil orang Mekkah Quraisy )

2 [2 *markah*]

Calon sederhana menyenaraikan satu jawapan yang tepat dan satu jawapan yang bersifat umum.

(*a*) Senaraikan **dua** pihak yang menandatangani perjanjian tersebut.

(i) Suhail Amru

(ii) Orang Islam Madinah

2 [2 *markah*]

Calon lemah hanya menyenaraikan satu pihak sahaja yang menandatangani perjanjian tersebut.

(*a*) Senaraikan **dua** pihak yang menandatangani perjanjian tersebut.

(i) Arab Quraisy

(ii) ~~Mujahirin~~ muhajirin

1 [2 *markah*]

Soalan 2 (b)

Calon cemerlang dapat menyatakan dua peristiwa ke arah termeteraínya Perjanjian Hudaibiyah dengan tepat.

(*b*) Nyatakan **dua** peristiwa ke arah termeterainya perjanjian itu.

(i) Penghijrahan rombongan Islam Madinah ke Makkah untuk mengerjakan ibadat umrah disekat oleh pihak Quraisy.

(ii) Tersebar khabar angin yang menyatakan bahawa Uthman telah dibunuh. ~~Pita~~ Pihak Quraisy menghantar Suhail B. Amru kerana takut kerana

[2 *markah*]

2

Calon sederhana mencampuradukkan jawapan di antara peristiwa ke arah termeterainya Perjanjian Hudaibiyah dengan peristiwa selepas termeterainya perjanjian itu.

(*b*) Nyatakan **dua** peristiwa ke arah termeterainya perjanjian itu.

(i) wujud khabar angin tentang kematian Uthman.

(ii) orang islam menyerang semula kota makkah

[2 *markah*]

1

Calon lemah memberikan jawapan yang terkeluar daripada kehendak tugasan soalan.

(*b*) Nyatakan **dua** peristiwa ke arah termeterainya perjanjian itu.

(i) Pembukaan semula kota makkah

(ii) orang islam boleh menunaikan haji pada tahun berikutnya

[2 *markah*]

0

Soalan 2 (c)

Calon cemerlang dapat memberikan kepentingan Perjanjian Hudaibiyah secara terperinci.

(*c*) **Berdasarkan pengetahuan anda, apakah kepentingan Perjanjian Hudaibiyah kepada perkembangan Islam?**

(i) sebagai perintis kepada pembukaan semula kota Makkah

(ii) dapat menjalankan penyebaran dengan lebih luas

(iii) ~~Orang~~ orang Makkah Quraisy mengiktiraf ketokohan Nabi Muhammad

3 **[3 *markah*]**

Calon sederhana memberikan jawapan secara ringkas dan bersifat umum.

(*c*) Berdasarkan pengetahuan anda, apakah kepentingan Perjanjian Hudaibiyah kepada perkembangan Islam?

(i) ketokohan Nabi diakui

(ii) umat Islam ramai

(iii) Islam meluas ke Eropah

3 [3 *markah*]

Calon lemah tidak menjawab mengikut kehendak soalan dan jawapan terpesong.

(*c*) Berdasarkan pengetahuan anda, apakah kepentingan Perjanjian Hudaibiyah kepada perkembangan Islam?

(i) orang bukan Islam bebas menganut agama

(ii) orang Yahudi dilindungi

(iii) perjanjian antara orang Islam dan bukan Islam

0 [3 *markah*]

Soalan 2 (d)

Calon cemerlang dapat menjelaskan iktibar daripada Perjanjian Hudaibiyah demi memperkukuhkan perpaduan dan keamanan negara Malaysia.

(*d*) Jelaskan iktibar yang boleh diambil daripada Perjanjian Hudaibiyah demi memperkukuhkan perpaduan dan keamanan negara kita Malaysia.

(i) Kita haruslah bertolak ansur dalam mengadakan perjanjian

(ii) kita haruslah bijak mengatur strategi jangka panjang dalam sesuatu perjanjian.

(iii) kita haruslah menepati, patuh dan setia dalam sesebuah perjanjian agar kita tidak kerugian kelak.

[3 *markah*]

3

Calon sederhana menjelaskan iktibar Perjanjian Hudaibiyah secara ringkas.

(*d*) Jelaskan iktibar yang boleh diambil daripada Perjanjian Hudaibiyah demi memperkukuhkan perpaduan dan keamanan negara kita Malaysia.

(i) Bertolak-ansur

(ii) Bermusyawarah

(iii) Bersifat pemaaf

3 [3 *markah*]

Calon lemah tidak dapat menjelaskan iktibar Perjanjian Hudaibiyah sebagaimana kehendak tugasan soalan.

(*d*) Jelaskan iktibar yang boleh diambil daripada Perjanjian Hudaibiyah demi memperkukuhkan perpaduan dan keamanan negara kita Malaysia.

(i) mempersaudarakan golongan ansar/muhajirin

(ii) mengiktiraf sebagai ketua negara

(iii) undang-undang keluarga bukan Islam diamalkan

[3 *markah*]

0

Soalan 3 (a)

Calon cemerlang dapat memberikan sebab Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada British dengan tepat.

3 Pada 8 Februari 1946, Vyner Brooke telah mengisytiharkan penyerahan Sarawak kepada British. Pengisytiharan ini menimbulkan bantahan penduduk tempatan di Sarawak.

(*a*) Mengapakah Vyner Brooke bertindak sedemikian?

Tiada pengganti yang berwibawa untuk meneruskan pentadbiran yang belum.

[1 *markah*]

Calon sederhana memberikan sebab Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada British secara ringkas.

3 Pada 8 Februari 1946, Vyner Brooke telah mengisytiharkan penyerahan Sarawak kepada British. Pengisytiharan ini menimbulkan bantahan penduduk tempatan di Sarawak.

(*a*) Mengapakah Vyner Brooke bertindak sedemikian?

Brooke tiada duit.

[1 *markah*]

Calon lemah memberikan jawapan yang menyeleweng daripada kehendak soalan.

3 Pada 8 Februari 1946, Vyner Brooke telah mengisytiharkan penyerahan Sarawak kepada British. Pengisytiharan ini menimbulkan bantahan penduduk tempatan di Sarawak.

(*a*) Mengapakah Vyner Brooke bertindak sedemikian?

Beliau ingin balik ke England

[1 *markah*]

Soalan 3 (b)

Calon cemerlang dapat menyenaraikan dua persatuan yang menentang penyerahan Sarawak kepada British dengan tepat.

(*b*) Senaraikan **dua** persatuan yang menentang penyerahan Sarawak kepada British.

(i) Persatuan Melayu Sarawak (PMS) ✓

(ii) Barisan Pemuda Sarawak (BPS) ✓

[2 *markah*]

2

Calon sederhana menyenaraikan jawapan secara akronim sahaja.

(*b*) Senaraikan **dua** persatuan yang menentang penyerahan Sarawak kepada British.

(i) PKMS ✓

(ii) PMS ✓

2 [2 *markah*]

Calon lemah tidak menjawab mengikut kehendak soalan.

(*b*) Senaraikan **dua** persatuan yang menentang penyerahan Sarawak kepada British.

(i) PESAKA

(ii) Rukun 13

0 [2 *markah*]

Soalan 3 (c)

Calon cemerlang dapat memberikan faktor penduduk tempatan Sarawak mennetang penyerahan tersebut dengan tepat.

(c) Mengapakah penduduk tempatan Sarawak menentang penyerahan itu?

(i) Penyerahan itu bercanggah dengan Perlembagaan 1941

(ii) Brooke berjanji akan memberikan pemerintahan sendiri kepd orang tempatan
Penduduk tidak ingin berada bawah pentadbiran British. 2 [2 markah]

Calon sederhana dapat memberikan satu faktor sahaja yang betul.

(c) Mengapakah penduduk tempatan Sarawak menentang penyerahan itu?

(i) kerana British mungkir janji

(ii) British menyekat penduduk tempatan

[2 markah] 1

Calon lemah memberikan jawapan yang terpesong.

(c) Mengapakah penduduk tempatan Sarawak menentang penyerahan itu?

(i) Rosli Dobi telah dibunuh

(ii) Penduduk hidup susah

[2 markah] 0

Soalan 3 (d)

Calon cemerlang dapat menyatakan cara masyarakat tempatan menentang penyerahan Sarawak kepada British dengan jelas dan tepat.

(*d*) **Bagaimanakah masyarakat tempatan menentang penyerahan tersebut?**

(i) Menghantar bantahan dan surat rasmi kepada Pejabat di London

(ii) Pembunuhan Sir Duncan Stewart oleh Rosli Dhobi

(iii) Penubuhan Rukun 13.

Perletakan jawatan kakitangan secara beramai 3 [3 *markah*]

Calon sederhana hanya dapat menjawab sebahagian sahaja daripada cara penentangan tersebut.

(*d*) **Bagaimanakah masyarakat tempatan menentang penyerahan tersebut?**

(i) Rapat umum X

(ii) mengadakan perarakan secara besar-besaran

(iii) Guru meletakkan jawatan

2 [3 *markah*]

Calon lemah dapat menyatakan satu sahaja cara penentangan tersebut.

(*d*) **Bagaimanakah masyarakat tempatan menentang penyerahan tersebut?**

(i) Rapat umum

(ii) Mogok

(iii) Demonstrasi

1 [3 *markah*]

Soalan 3 (e)

Calon cemerlang dapat memberikan pandangan dengan tepat sebab-sebab penentangan tersebut gagal.

(e) Pada pandangan anda, mengapakah penentangan tersebut gagal?

(i) Mereka mengenepikan cara rundingan dan perbincangan ✓

(ii) Penentangan hanya melibatkan penduduk Melayu ✓

[2 markah]

2

Calon sederhana hanya dapat memberikan satu sebab sahaja.

(e) Pada pandangan anda, mengapakah penentangan tersebut gagal?

(i) ~~ tentera~~ British ~~mem~~ tidak mempedulikan penentangan tersebut ✗

(ii) penduduk Sarawak tidak bersatu-padu menentang ✓

1 [2 markah]

Jawapan calon lemah terkeluar daripada kehendak tugasan soalan.

(e) Pada pandangan anda, mengapakah penentangan tersebut gagal?

(i) tiada organisasi ✗

(ii) tidak mempunyai pemimpin ✗

0 [2 markah]

Soalan 4 (a)

Calon cemerlang dapat menyatakan matlamat Piagam PBB dengan tepat dan jelas.

**4** Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah ditubuhkan pada tahun 1945 apabila Liga Bangsa dibubarkan. Setelah mencapai kemerdekaan, Malaysia telah menyertai PBB pada tahun 1957.

(*a*) Apakah matlamat Piagam PBB?

(i) menjaga keamanan sejagat dunia

(ii) mengeratkan hubungan dan kerjasama antara negara-negara anggota

2 [2 *markah*]

Calon sederhana dapat menyatakan hanya sebahagian sahaja matlamat Piagam PBB.

(*a*) Apakah matlamat Piagam PBB?

(i) menjaga keamanan sejagat

(ii) kemerdekaan peduniaa dapat dicapai

1 [2 *markah*]

Calon lemah memberikan jawapan yang tiada kaitan dengan matlamat Piagam PBB.

(*a*) Apakah matlamat Piagam PBB?

(i) Membantu negara-negara miskin

(ii) memberi bantuan senjata

0 [2 *markah*]

Soalan 4 (b)

Calon cemerlang dapat menyatakan cara Malaysia membantu PBB menyelesaikan konflik antarabangsa dengan tepat.

(*b*) **Bagaimanakah Malaysia membantu PBB menyelesaikan konflik antarabangsa?**

(i) menghantar pasukan pengaman untuk menyelesaikan masalah peperangan Congo

(ii) menghantar pasukan pemerhati ke sempadan-sempadan Iraq

(iii) lantang bersuara menentang dasar apar teid Afrika Selatan

(iv) menghantar pasukan peridamai ke Bosnia

3 [3 *markah*]

Calon sederhana dapat menyatakan sebahagian daripada cara Malaysia membantu PBB.

(*b*) Bagaimanakah Malaysia membantu PBB menyelesaikan konflik antarabangsa?

(i) Menghantar tentera ke Congo

(ii) Askar Malaysia mengamankan Bosnia

(iii) Membantu Palestin berperang dengan Israel

[3 *markah*] 2

Calon lemah hanya dapat memberikan satu sahaja jawapan yang betul.

(*b*) Bagaimanakah Malaysia membantu PBB menyelesaikan konflik antarabangsa?

(i) membuat bantuan pembelian

(ii) menghantar pasukan pengaman ke Congo

(iii) memberi bantuan kemanusiaan

1 [3 *markah*]

Soalan 4 (c)

Calon cemerlang dapat menjelaskan manfaat keahlian Malaysia dalam PBB dengan tepat.

(*c*) Jelaskan manfaat keahlian Malaysia dalam PBB.

(i) Bank Dunia memberikan pinjaman kepada Malaysia untuk memajukan FELDA.

(ii) Bank Dunia menggalakkan pelaburan asing.

(iii) Bank Dunia menyediakan ~~modal~~ ~~modet~~ modal kepada Malaysia untuk mengembangkan dalam bidang penyelidikan

[3 *markah*]

Calon sederhana mencampuradukkan manfaat keahlian Malaysia dalam PBB dengan sumbangan Malaysia kepada PBB.

(*c*) Jelaskan manfaat keahlian Malaysia dalam PBB.

(i) Boleh membuat pinjaman di bank dunia untuk tujuan pendidikan dan memajukan sektor ekonomi seperti Felda.

(ii) ..........

(iii) mendapat ~~bant~~ bantuan ketenteraan

[3 *markah*]

Calon lemah hanya menjawab sebahagian sahaja daripada manfaat keahlian Malaysia dalam PBB.

(*c*) Jelaskan manfaat keahlian Malaysia dalam PBB.

(i) menentang dasar Apartheid

(ii) membantu negara Lubnan dan Palestin

(iii) PBB membantu FELDA

[3 *markah*]

Soalan 4 (d)

Calon cemerlang dapat memberikan pandangan yang tepat dan jelas.

(*d*) Pada pandangan anda, adakah PBB berjaya melaksanakan tanggungjawab sebagai badan pengaman dunia?

Berikan alasan anda.

(i) Ya, kerana sentiasa dapat menyelesaikan masalah konflik antara negara seperti dalam peperangan Congo

(ii) kerana dapat mengekalkan keamanan sejagat dengan menghantar pasukan pengaman untuk menyelesaikan masalah tersebut ke negara yang dialami masalah

[2 markah]

2

Calon sederhana menjawab dengan ringkas tanpa memberikan contoh.

(*d*) Pada pandangan anda, adakah PBB berjaya melaksanakan tanggungjawab sebagai badan pengaman dunia?

Berikan alasan anda.

(i) Ya, kerana PBB berjaya menghentikan peperangan dan

(ii) menghentikan penggunaan senjata nuklear

[2 *markah*]

2

Jawapan calon lemah tidak mengikut kehendak soalan dan terpesong.

(*d*) Pada pandangan anda, adakah PBB berjaya melaksanakan tanggungjawab sebagai badan pengaman dunia?

Berikan alasan anda.

(i) Ya kerana PBB dapat menjaga alam sekitar

(ii) Ya PBB berjaya mengadakan Sukan Komanwel

[2 *markah*]

0

## BAHAGIAN B – SOALAN ESEI

Soalan 5 (a)

Calon cemerlang dapat menyatakan pandangannya tentang keistimewaan masyarakat Tamadun Mesir Purba. Dalam hal ini, calon dapat menyatakan jawapan yang mencakupi segenap segi politik, ekonomi dan sosial tamadun berkenaan. Isi jawapan calon menepati kehendak tugasan.



No. soalan: 5

(a) Keistimewaan masyarakat mesir purba ialah pembinaan piramid berasaskan blok-blok batu yang besar. Piramid yang terkenal ialah piramid Sakkara. Imhotep yang mengasaskan piramid Sakkara. Beliau ialah seorang Ahli fizik, pengamal perubatan, peguam dan penasihat raja. Masyarakat mesir purba menggunakan sistem tulisan hieroglif. Sistem tulisan ini penting bagi merekodkan dalam perniagaan, mencatat amalan agama. Mereka juga mahir dalam bidang astronomi. Mereka juga mencipta kertas daripada pokok papyrus. Mereka juga mempunyai ilmu memumiakan mayat. Mereka percaya akan kehidupan selepas mati. Mayat yang telah disolek diletakkan di dalam keranda bersama barang-barang keperluan selepas mati. Mereka juga pakar dalam ilmu matematik untuk mengawal sungai nil daripada banjir. Mereka juga mempunyai bandar yang terancang seperti Heliopolis, Fayoum dan Abydos. Mereka mengamalkan konsep politisme iaitu menyembah banyak tuhan. Firaun Hatshepsut ialah firaun perempuan pertama yang membawa banyak pembaharuan dalam tamadun mesir purba. Sungai Nil juga menjadi pusat laluan pedagang, sumber protein, sistem pengairan untuk pertanian dan sistem pengangkutan. Tamadun Mesir Purba juga mencipta kalendar 365 hari.

12 max 8
8

Calon sederhana masih mampu memberikan jawapan seperti yang dikehendaki oleh tugasan soalan. Namun begitu jumlah isi jawapan yang dikemukakan tidak mencukupi untuk memenuhi tugasan soalan.

5 (a) (Pada pandangan saya, Keistimewaan masyarakat Mesir Purba yang menyumbang kepada kemunculan Mesir sebagai pusat tamadun ~~awal~~ dunia ialah mereka bijak menggunakan alam sekitar) (Contohnya, pembinaan tamadun di lembah Sungai Nil. Lembah ini terhasil ~~dari pada~~ daripada Sungai Nil biru dan Sungai Nil putih yang membentuk delta yang subur.) (Masyarakat Mesir Purba juga telah menguasai pelbagai bidang ilmu pengetahuan seperti ilmu geometrik, matematik, perubatan, astronomi dan banyak lagi) Selain itu Mesir Purba juga telah memperkenalkan sistem tulisan hieroglif sebagai tulisan) (untuk membuat catatan atau rekod pertanian dan sebagainya)

Calon lemah memberikan jawapan bersifat umum sahaja. Jumlah isi jawapan yang dikemukakan juga amat terhad. Terdapat juga isi jawapan yang diulang.

Soalan 5

(a) (masyarakat Mesir purba bijak untuk mengeksploitasi kegunaan Sg. Nil.) (mereka juga berjaya mencipta kaedah untuk mengawal banjir yang melanda Sg Nil) (dengan ilmu matematik.) masyarakat mesir purba juga menggunakan Sg. Nil ~~dengan~~ sebagai sumber air dan sumber protein untuk kegunaan harian.

Soalan 5 (b)

Calon cemerlang dapat menerangkan tentang sumbangan Tamadun Mesir Purba seperti yang dikehendaki oleh tugasan soalan. Isi jawapan yang diberi jelas dan padat serta menepati kehendak tugasan soalan.

5. (b) Antara sumbangan Tamadun Mesir Purba ialah ilmu geometri ~~dan~~ matematik dan algebra yang masih kekal hingga ke hari ini. Melalui ilmu ini, maka wujudlah penciptaan piramid yang hanya menggunakan batu-bata. Tamadun Mesir Purba turut menyumbang dalam bidang perubatan. ~~Contoh~~ Selain itu terdapat kaedah memumiakan mayat kerana mereka percayakan kehidupan selepas mati. Selain itu, melalui ilmu matematik juga telah membantu dalam mengawal banjir yang melanda Sg. Nil. Selain itu penciptaan batu-bata yang dilakukan dengan suhu yang panas.

F8 H8g H1g H1c F7 H7g H5b H1c

7 max 6

Calon sederhana masih mampu memberikan isi jawapan seperti yang dikehendaki oleh tugasan soalan. Namun begitu jumlah isi jawapan yang dikemukakan tidak mencukupi. Terdapat juga isi jawapan yang tidak berkaitan diberikan oleh calon.

(b) Sumbangan tamadun Mesir Purba yang kekal hingga ke hari ini ialah pembinaan piramid. ~~Be~~ Piramid yang dibina berasaskan blok-blok batu berbentuk segi empat tepat masih kekal hingga ke hari ini. Sumbangan kedua ialah Sungai Nil. Sehingga ke hari ini, sungai Nil masih menjadi sumber bekalan air, sistem perhubungan, sistem pengairan untuk pertanian dan laluan perdagangan. Sungai Nil juga menyediakan sumber protein. Proses ~~memui~~ memumiakan sesuatu benda turut digunakan hingga ke hari ini, contohnya, mengawetkan atau memumiakan binatang-binatang yang telah pupus.

H1g H1c F5 SK H7g

4 m

Calon lemah masih berupaya memberikan isi jawapan. Namun begitu, isi jawapan yang diberi amat terhad bilangannya.




Soalan 5 (c)

Soalan ini berkaitan dengan KBKK. Calon cemerlang dapat menjawab dengan baik. Calon dapat memberikan pandangan tentang pencapaian Malaysia pada masa kini yang boleh dibanggakan oleh generasi akan datang. Isi jawapan yang diberi menepati kehendak tugasan soalan. Bahasa yang digunakan jelas dan jumlah isi jawapan yang dikemukakan melebihi daripada kehendak tugasan soalan.



Calon sederhana juga masih mampu memberikan isi jawapan seperti yang dikehendaki oleh tugasan soalan. Namun begitu jumlah fakta yang diberi tidak mencukupi.

No. soalan:

5(c) (Antara kejayaan Malaysia yang boleh menjadi kebanggaan adalah yang terbaru dalam bidang astronomi. Contohnya, baru-baru ini Malaysia telah ~~menghantar~~ seorang rakyat Malaysia untuk pergi ke angkasa lepas ialah Doktor Sheikh Muszaphar. Bidang astronomi kian mendapat perhatian di negara Malaysia) F11 (Selain itu melalui bangunan yang patut menjadi identiti negara iaitu Menara Berkembar Petronas) F10 (dan menara Kuala Lumpur). F5 (Selain itu melalui teknologi, ~~pe~~ Buktinya ~~penga~~ melalui penghasilan kereta Malaysia iaitu ~~Power~~. Proton.) F6

4

Calon lemah juga dapat memberikan isi jawapan seperti yang dikehendaki oleh tugasan soalan. Namun begitu jumlah isi jawapan yang diberi amat terhad.

(c) (Antara pencapaian Malaysia kini yang boleh dibanggakan ialah penghantaran angkasawan pertama negara ke angkasa lepas) F11 (Kejayaan Measat I, II dan III dalam bidang penyiaran dan telekomunikasi.) F3

2m

## Soalan 6 (a)

Calon cemerlang dapat memberikan isi jawapan yang tepat berkaitan maksud masyarakat Arab Jahiliah. Jawapan yang dikemukakan jelas dan padat serta menepati kehendak tugasan soalan.

6 (a) (Masyarakat pada zaman itu dikenali sebagai masyarakat ~~Jahiliah~~ Arab Jahiliah kerana masyarakat pada ~~waktu~~ waktu itu menyembah patung ~~berhala~~ berhala) F2 (dan tidak percaya dan menyembah Allah S.W.T) F1. (Pada waktu itu juga, tidak mempunyai kitab suci dan nabi untuk dijadikan panduan hidup) F5. (Masyarakat pada waktu itu juga tidak mempunyai akhlak yang baik serta tiada pegangan agama yang tetap) F6. (Daya pemikiran mereka juga adalah cetek dan dianggap jahil) F9. (Masyarakat pada waktu itu meminum arak dan berjudi adalah aktiviti harian mereka.) F6

5 max 4

4

Calon sederhana masih dapat memberikan isi jawapan seperti yang dikehendaki oleh tugasan soalan. Namun begitu jumlah isi jawapan yang diberi adalah kurang. Terdapat juga isi jawapan yang kurang tepat dimasukkan oleh calon.

6 (a) (Masyarakat pada zaman tersebut dikenali sebagai masyarakat Arab Jahiliah kerana mereka menolak ajaran agama yang dibawa oleh Nabi Muhammad (S.A.W) serta mengamalkan kepercayaan ~~animism~~ animisme.) B3 (Di samping itu, masyarakat pada zaman itu mempercayai bahawa ajaran Islam adalah ajaran sesat dan hati mereka tidak bersedia menerima ajaran baru.) (Jahiliah itu sendiri membawa maksud bodoh atau tidak mengetahui apa-apa. F9 Pada ketika inilah selain zaman jahiliah, zaman ini juga dikenali sebagai Zaman Gelap.)

2

Calon lemah masih dapat memahami kehendak soalan. Namun begitu mereka gagal memberikan jumlah isi jawapan seperti yang diperlukan oleh tugasan soalan.

> 6 a) (Masyarakat arab jahiliah ditenali masyarakat yang kurang ilmu pengetahuan. Masyarakat yang hidup dalam kegelapan. Selain itu, masyarakat jahiliah merupakan masyarakat yang kurang ~~percaya~~ ilmu pengetahuan tentang kehidupan.)
>
> F9 1

Soalan 6 (b)

Calon cemerlang dapat menjawab dengan baik. Mereka dapat memenuhi kehendak tugasan soalan . Mereka mampu memberikan ciri-ciri kehidupan masyarakat Arab Jahiliah beserta dengan huraian yang tepat. Isi jawapan dan huraian yang diberikan menepati kehendak tugasan soalan.

> 6 (b) (Antara ciri-ciri kehidupan masyarakat Arab Jahiliah pada waktu itu ialah, mereka menindas kaum yang miskin) (dan segala aktiviti perniagaan dipelopori oleh kaum yang kaya). (Masyarakat Arab Jahiliah juga membunuh bayi perempuan yang baru dilahirkan dan ditanam hidup-hidup) (kerana mereka menganggap bayi perempuan membawa bala). (Pada waktu itu juga, kedudukan kaum wanita) (adalah sangat rendah. (Selain itu, bagi lelaki pula, mereka boleh mengahwini lebih dari seorang wanita ~~kerana~~ yang disukainya). (Masyarakat pada waktu itu juga mengamalkan unsur riba (dan penindasan) (dalam aktiviti perniagaan). (Kegiatan merompak) (adalah salah satu punca pendapatan mereka). (Mereka juga suka meminum arak dan berjudi). (Masyarakat Arab Jahiliah juga gemar bergaduh dan bermusuhan antara satu ~~sama~~ sama lain.)
>
> H4b F4 H2c H2d F3 H2a H3b H4a H4b F4 F5 H5b H1a H10a
>
> 14/10 max 10
>
> 14/10 10 Max

Calon sederhana masih mampu memberikan isi jawapan seperti yang dikehendaki oleh tugasan soalan. Namun begitu kebanyakan isi yang diberi adalah berkaitan dengan huraian sedangkan isi berkaitan dengan fakta amat kurang dimasukkan. Terdapat juga isi yang tidak berkaitan dimasukkan.



6 b) (Antara ciri-ciri kehidupan masyarakat zaman Jahiliah ialah mengamalkan riba) (dan melakukan penindasan.) (Selain itu, mereka juga mengamalkan kepercayaan animisme) (iaitu menyembah berhala) (mereka tidak percaya Tuhan.) (Disamping itu, masyarakat zaman jahiliah ~~suka~~ melakukan rompakan) (kerana itu adalah satu daripada ~~puna~~ punca rezeki mereka.)

H4a H4b H7c H7a F5 H5b

6M.

Calon lemah masih mampu memenuhi kehendak soalan ini. Isi yang dikemukakan adalah berbentuk huraian. Isi yang berbentuk fakta gagal dikemukakan oleh calon. Jumlah isi jawapan yang dikemukakan juga tidak memenuhi kehendak tugasan soalan.



6 (b) (Antara ciri-ciri kehidupan masyarakat Arab Jahiliah ialah mereka menyembah berhala tinggalan nenek moyang mereka) (Malahan mereka juga mengamalkan kepercayaan animisme iaitu penyembahan pokok, matahari dan bintang. Mereka mempercayai berhala yang disembah itu adalah Tuhan mereka walhal ajaran ini telah menyesatkan mereka) (Selain itu, bayi perempuan yang baru dilahirkan di tanam hidup-hidup) (Ini adalah kerana masyarakat dahulu beranggapan kaum Hawa akan menyusahkan keluarga mereka)

H7a H7c H2c H2a

4

Soalan 6 (c)

Calon cemerlang dapat memberikan isi jawapan seperti yang dikehendaki oleh tugasan soalan. Calon dapat memberikan isi-isi yang munasabah berkaitan pengamalan ciri-ciri kehidupan masyarakat Arab Jahiliah yang menghalang pembentukan masyarakat bermoral. Dalam hal ini calon dapat menggunakan kemahiran KBKK sewaktu menjawab tugasan soalan.

Soalan 6C.

Pengamalan ciri-ciri kehidupan masyarakat Arab Jahiliah menghalang pembentukan masyarakat yang bermoral. ~~Akibat~~ Misalnya perbuatan minum arak menyebabkan akal dan akhlak F2 manusia menjadi luntur. Manakala sikap suka menindas dalam perniagaan boleh menyebabkan keadilan F3 sosial tidak wujud dalam masyarakat. Perbuatan berjudi pula boleh menyebabkan seseorang terjebak dalam hutang M1 dan dikejar along. Sementara itu, selainnya lelaki dibenarkan berkahwin dengan senapa sahaja, akan merosakkan institusi F8 kekeluargaan. Malahan boleh merosakkan zuriat M2 dan keturunan. Perbuatan merompak pula akan menyebabkan keselamatan rakyat F4 dan ~~k~~ negara terancam.

6

Calon sederhana masih mampu memenuhi kehendak soalan ini. Namun begitu isi jawapan yang diberi hanya dalam bentuk isi yang munasabah sahaja. Di samping itu terdapat juga isi yang tidak berkaitan dengan soalan dimasukkan oleh calon sebagai jawapan.

6 (i) Pengamalan ciri-ciri kehidupan masyarakat Arab Jahiliah menghalang pembentukan masyarakat bermoral kerana hati mereka tidak bersedia menerima ajaran Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad (S.A.W). Hati mereka masih kufur dan masih mengamalkan penyembahan berhala dan animisme. Selain itu, mereka tidak mempunyai ketua atau pemimpin yang akan memimpin mereka ke arah kebenaran, mereka hanyut di lembah maksiat dan keseronokan yang akhirnya merosakkan diri mereka sendiri. Kekurangan ilmu pengetahuan menyebabkan mereka tidak dapat membezakan antara yang buruk dan benar. Masyarakat Arab Jahiliah merasakan Islam itu adalah agama yang tidak benar dan tidak mempercayai akan keesaan Tuhan. Di samping itu, mereka tidak ~~dididik~~ dididik dengan cara yang betul dan baik dari kecil lagi. Pengamalan ciri Jahiliah boleh menyebabkan perpaduan kaum tergugat.

Pk M1 M2 Pk F1 3

Calon lemah tidak mampu memenuhi tugasan soalan. Calon memberikan isi jawapan yang terpesong. Jawapan yang diberi adalah berkaitan dengan ciri-ciri masyarakat Arab Jahiliah sahaja.

6 (i) Antara pengamalan ciri-ciri kehidupan masyarakat zaman Jahiliah yang menghalang pembentukan masyarakat bermoral ialah masyarakat pada zaman itu merupakan masyarakat ~~macyuk~~ ~~yg~~ yang jahil terhadap ilmu pengetahuan dan tidak tahu apa-apa ~~pape~~ tentang hukum-hakam. Selain itu, masyarakat zaman jahiliah merupakan masyarakat yang mengamalkan kepercayaan animisme ~~jahiliah~~ iaitu kepercayaan menyembah berhala, menyembah patung. Pada masyarakat jahiliah mereka boleh melakukan perkara dengan sesuka hati mereka seperti minum arak, berkahwin dengan sekali gus, melakukan riba dan penindasan.

hanya catatkan ciri Jahiliah / TK 0

Tulis di kedua-dua belah muka surat

Soalan 7 (a)

Calon cemerlang mampu memberikan jawapan seperti kehendak kata tugas soalan. Calon memberikan isi-isi berbentuk fakta, huraian dan contoh berkaitan dengan tindakan penjajah British yang membawa kepada penentangan masyarakat tempatan terhadap campur tangan mereka.

a) (Tindakan penjajah British yang membawa kepada penentangan tersebut ialah dasar penaklukan British. (British telah menakluk kawasan ~~te~~ rakyat tempatan seperti berlaku di wilayan Naning dan di Sabah.) kedua ialah eksploitasi terhadap ekonomi tempatan. Contohnya, British telah mengeksploitasi ekonomi tempatan tanpa kebenaran rakyat di situ.) (Mereka juga telah memperkenalkan pelbagai cukai seperti cukai kepala dan cukai perahu. (Ketiga ialah ~~pelaksaan~~ naan pentadbiran ~~Br~~ Barat) terhadap rakyat tempatan.) (Contohnya, British telah memperkenalkan pelbagai undang-undang dan peraturan terhadap rakyat tempatan.) (Hal ini menyebabkan rakyat tidak bebas. ~~menjata~~ dan ~~dik~~ diikat di ~~bawah~~ undang-undang British.) ~~Keti~~ (keempat ialah campur tangan British dalam adat resam tempatan.) (contohnya. J.W.W. Birch telah mencampuri adat resam tempatan di Perak, ~~Rasik~~ salah dalam amalan perhambaan. J.W.W.Birch telah mengharamkan dan menghalang amalan perhambaan yang merupakan amalan tradisional ~~merek~~ rakyat tempatan. (kelima ialah ~~kehilangan~~ pembesar tempatan kehilangan kuasa dan pengaruh.) (British telah memperkenal penasihat ~~dan~~ British dan residen yang mengambil alih kuasa pembesar tempatan.) (Pembesar tempatan berasa kuasa mereka terancam dan tidak berkuasa lagi.) (contohnya, penasihat mengambil alih tugas ~~pem~~ mengutip cukai yang merupakan tugas pembesar tempatan.) (keenam ialah kesulitan penduduk tempatan. Disebabkan peraturan baru dan undang-undang baru yang diperkenalkan oleh British, ~~B~~ rakyat tempatan berasa mereka ~~diam~~ diikat dan dirugikan.)

13 max 6

Calon sederhana masih berupaya menjawab tugasan soalan. Namun begitu calon hanya memberikan isi jawapan dalam bentuk fakta dan huraian tanpa memasukkan contoh-contoh yang sesuai. Calon juga gagal memberikan jumlah isi jawapan seperti yang dikehendaki oleh tugasan soalan.

7-a) (Tindakan British yang membawa kepada penentangan masyarakat tempatan ialah British memasukkan pentadbiran British dalam pentadbiran tempatan). (Mereka telah mengenakan pelbagai cukai kepada penduduk tanah Melayu. Mereka memaksa penduduk membayar cukai yang mahal seperti cukai perahu dan cukai kepala). (Mereka juga telah mengancam hak dan tugas pembesar serta raja-raja Melayu) (dengan mewujudkan sistem residen bagi mentadbir setiap kawasan yang dijajah). (Selain itu, pihak British juga telah mengenakan peraturan tanah kepada penduduk tanah Melayu)

Calon lemah gagal memahami kehendak tugasan. Jawapan yang diberi berbentuk umum dan juga tidak berkaitan dengan soalan. Calon gagal memberikan isi jawapan berbentuk fakta dan contoh. Calon hanya memberikan isi jawapan berbentuk huraian dan jumlahnya pula tidak memenuhi kehendak tugasan soalan.

a) (Tindakan penjajah British yang membawa kepada penentangan dengan menggunakan nama Sultan, memaksa Sultan atau pembesar membuat perjanjian, memaksa Sultan menerima pegawai residen British, menggunakan bilangan tentera yang besar untuk menyerang sesiapa yang menentangnya, membuang negeri atau memberi hukuman berat dan mati kepada tokoh-tokoh perjuangan menentangnya dan membakarkan kampung-kampung tempatan, menggunakan teknik tipu helah, (mengenakan undang-undang British, mengenakan cukai-cukai baru dan tinggi.)

Soalan 7 (b) (i)

Calon cemerlang berupaya memberikan isi jawapan berkaitan perjuangan Dol Said (Naning) menentang British seperti yang dikehendaki oleh tugasan soalan. Calon berjaya menceritakan peristiwa penentangan Dol Said mengikut kronologi. Bagaimanapun terdapat calon yang menyertakan fakta yang salah. Contohnya, nama tokoh dan tempat yang tidak berkaitan diberikan.



b) i- Dol Said merupakan pembesar di daerah Naning. Naning merupakan wilayah yang diasingkan daripada negeri sembilan. Dol said berasa terancam ~~dan~~ apabila British menguasai Naning dan menyuruh dan memaksa menghantar ~~ufti~~ 1/2 hasilannya sebagai ufti. Tambahan, tugas beliau sebagai ~~pemb~~ pengutip cukai telah diambil alih oleh British. Hal ini Dol said berasa terancam dan telah menyerang British pada kali pertama dengan bantuan daripada Dato Mahaja Lela, Dato Sagor dan yang lain-lain. Dol Said telah berjaya menewaskan British. Apabila British ~~men~~ membalas ~~balik~~ dengan mengadakan serangan kali kedua ke atas Naning, Dol said kalah kerana tidak menerima bantuan daripada mana-mana pihak. Akhirnya, Dol Said tewas dalam peperangan tersebut.

Calon sederhana masih mampu memberikan isi jawapan seperti yang dikehendaki oleh tugasan soalan. Namun begitu fakta-fakta yang diberi bercampur aduk antara fakta yang betul dengan yang tidak berkaitan



b) i- Dol Said (Naning)

Dol said menentang penjajahan British ke atas Naning kerana British telah memaksa Naning membayar ufti kepada Melaka. British juga telah memasukkan Naning sebagai wilayah taklukan British. Dol Said telah menentang British ~~kerana British telah~~ dengan menyerang kapal British. British melakukan serangan balas dengan membakar balai polis. Dol said telah memohon pertolongan kepada raja Melayu dan mereka sekali lagi menyerang British. Dalam serangan ini, Naning telah ditewaskan.

Calon lemah juga dapat memberikan isi jawapan seperti yang dikehendaki oleh tugasan soalan. Namun begitu calon tidak mampu memberikan jumlah isi jawapan seperti yang dikehendaki oleh tugasan soalan. Malahan isi jawapan yang diberi bercampur aduk dengan isi yang tidak berkaitan.



b) i) (Dol Said di Naning enggan mengakui Naning ialah dalam kawasan Melaka. Beliau menentang British disebabkan British ingin mengambil haknya untuk mengutip cukai.) Akhirnya peperangan pun berlaku dan disebabkan Dol Said tidak mempunyai senjata yang moden dan ilmu pengetahuan yang secukupnya. (Beliau telah kalah dalam peperangan tersebut) dan

F2 TK F10 2

Soalan 7 (b) (ii)

Calon cemerlang berupaya memberikan isi jawapan berkaitan perjuangan Mat Salleh (Sabah) seperti yang dikehendaki oleh tugasan soalan. Jumlah isi jawapan yang diberi juga melebihi daripada apa yang diperuntukkan oleh tugasan soalan.



) ii- (Mat salleh merupakan pembesar di sabah dan bertugas sebagai pengutip cukai.) intro ~~Aba~~ (Apabila British menceroboh kawasan sabah, mat salleh berasa terancam kerana British mengambil tugas sebagai pengutip cukai, tidak menghormatinya sebagai pembesar) (dan memperkenalkan pelbagai cukai yang membebankan rakyat tempatan.) (mat salleh telah berjaya mengadakan serangan pertama ke atas kubu british. Apabila british mengadakan serangan kedua, mat salleh telah berlari ke kawasan lain.) (Kali kedua, mat salleh ~~bera~~ bersama pengikutnya mengadakan serangan ke atas kubu British di sabah) (dan akhirnya mat salleh tewas dalam pertempuran tersebut.)

F3 F5 F10 F11 F16 5

Calon sederhana masih mampu memberikan isi jawapan seperti yang dikehendaki oleh tugasan soalan. Namun begitu jumlah isi jawapan yang diberi agak terhad. Terdapat juga kesilapan nama tempat yang diberikan oleh calon.

ii- Mat salleh (sabah)

Di sabah, penentangan rakyat tempatan berlaku kerana Syarikat Borneo Utara British (SBUB) yang menaikkan kemdrahan penduduk tempatan. ~~Me~~ SBUB telah bersikap kasar dengan penduduk tempatan. SBUB juga telah menolak peranan Mat Salleh sebagai pembesar. Sebabkan itu, Mat Salleh telah menyerang kubu British di Tambunan. Serangan Mat Salleh telah mendapdt balasan SBUB. SBUB telah menyerang daerah Mat Salleh.

Calon lemah juga masih berupaya memenuhi kehendak soalan ini. Namun begitu jumlah isi jawapan yang diberi adalah amat terhad dan bercampur aduk dengan isi jawapan yang tidak diperlukan.

ii – Mat Salleh

Mat Salleh menentang British kerana tidak berpuas hati, apabila British menjajah Sabah. Dia telah mendapat bantuan daripada Sultan Sulu. Mereka menyerang kubu British di Pulau Gaya. Serangan mereka gagal kerana menggunakan peralatan senjata yang lemah.

Soalan 7 (c)

Calon cemerlang dapat memberikan jawapan yang baik untuk soalan ini. Isi jawapan yang diberi adalah memenuhi kehendak peraturan pemarkahan. Calon dapat memberikan lebih daripada empat isi jawapan berkaitan dengan cadangan kepada generasi muda untuk menjadi warganegara Malaysia yang berupaya mempertahankan kedaulatan negara.

7. c) (Cadangan kepada generasi muda ~~pah~~ hari ini supaya mereka menjadi warganegara malaysia yang berupaya mempertahankan kedaulatan negara ialah mempelajari ilmu dan menjadi orang yang berilmuan supaya ~~a~~ mendapat dan ~~a~~ membentuk negara yang berdaulat dan membawa ke arah kemajuan.) (Selain itu, mereka perlu mempunyai dan mengamalkan ciri-ciri patriotisme seperti mengamalkan dan menghayati prinsip Rukun Negara (dan sentiasa mempertahankan nama negara Malaysia). (Generasi muda juga perlulah meninggalkan dan bebas daripada amalan gejala sosial supaya nama negara terkenal di mata dunia dan dapat ~~meret~~ ~~mereali~~ merealisasikan matlamat negara, Wawasan 2020). (Tambahan pula, mereka perlu mengamalkan nilai-nilai murni supaya dapat menjadi pemimpin yang berkaliber dan berupaya mempertahankan kedaulatan negara. (Generasi muda haruskan mematuhi dan mengamalkan peraturan dan undang-undang serta perlembagaan negara supaya ~~menjagt~~ dapat mempertahankan kedaulatan negara.)

Calon sederhana masih mampu memenuhi kehendak tugasan soalan ini. Namun begitu isi jawapan yang diberi agak terhad. Calon juga mencampur adukkan isi jawapan dengan isi yang tidak diperlukan.

c) Generasi muda hari ini haruslah menanamkan semangat patriotik
bagi menghalang segala anasir untuk menjajah negara. Mereka
juga harus menjadikan perjuangan tokoh-tokoh sebelum ini
yang berusaha melindungi tanah Melayu dari dijajah sebagai
iktibar. Selain itu, generasi muda haruslah bersikap lebih berani
dan tidak gentar dalam melawan penjajah. Penciptaan alatan
dan senjata moden dan lebih canggih akan membantu negara
untuk memerangi penjajah. Jika segala cadangan ini diterapkan
kedaulatan negara akan dapat dipertahankan.

Calon lemah juga masih berupaya memberikan isi jawapan untuk soalan ini. Namun begitu jumlah isi jawapan yang diberi adalah amat terhad dan tidak dapat memenuhi kehendak tugasan soalan.

7e.
Cadangan kepada generasi muda supaya
mereka berupaya mempertahankan negara ialah
jangan melepak. Jangan merempit, jangan
berlagak. Jangan jadi kutu rayau. Kalau
generasi muda melaksanakan cadangan ini
kedaulatan negara akan terjamin.

Soalan 8 (a)

Calon cemerlang memberi jawapan yang padat dan tepat. Bahasa yang mudah difahami serta jelas mengikut kehendak soalan.

No. soalan: 8

a) (Pelombong China perlukan izin pembesar Melayu untuk memulakan perusahaan melombong) F3 (Pembesar Melayu menguasai bidang perlombongan) F7 (Melayu akan menentukan harga bagi bijih timah yang dilombong oleh pengusaha China) F5 (Pembesar Melayu akan memastikan bahawa bijih timah akan dijual semula kepada mereka) F

4

Calon sederhana menulis fakta yang salah dan menyeleweng. Banyak menulis tetapi kurang isi yang berkaitan.

a) (Pembesar Melayu harus memajakkan tapak perlombongan bijih timah kepada Pengusaha ~~Pedagang~~ Eropah) Selain itu, pembesar melayu tidak boleh memajak tapak perlombongan bijih timah tanpa kebenaran British. Pembesar Melayu harus memberi tempoh pajakan yang lama kepada Pengusaha ~~pedagang~~ Eropah. Pembesar Melayu juga perlu mengenakan cukai yang rendah terhadap hasil bijih timah yang dikeluarkan oleh orang Eropah. Pembesar melayu juga ~~dikaw~~ perlu menjaga kepentingan pengusaha ~~Orang~~ Eropah (Pembesar Melayu perlu memastikan bijih timah yang dilombong dijual kepada mereka dengan harga yang ditetapkan. Proses perlombongan bijih timah perlu diletakkan di bawah pengawasan F7 pembesar Melayu.)

2

Jawapan yang lemah, struktur ayatnya tidak lengkap, terlalu ringkas dan kurang isi.

No. soalan: Soalan 8

a) (Mengusahakan perlombongan bijih timah. Menguasai perlombongan dijalankan.) F7

Soalan 8 (b)

Calon cemerlang menulis jawapan dengan tertib. Susunan ayat sempurna dan mudah difahami. Isi jawapan memenuhi kehendak soalan.

8 b) Pembesar melayu tidak dapat meneruskan penguasaan mereka terhadap perlombongan bijih timah kerana tidak mempunyai modal. Selain itu, pembesar melayu juga malas untuk memajukan perlombongan bijih timah. Pembesar melayu ingin mengaut keuntungan dengan cara yang lebih mudah dan cepat dengan memajakkan lombong bijih timah kepada orang cina dan Eropah. Bukan itu sahaja, ketinduan teknologi tinggi seperti kapal korek dan pam kelikir menyebabkan pembesar melayu gagal untuk menguasai perlombongan bijih timah. Seterusnya, kekurangan buruh juga merupakan sebab pembesar melayu tidak dapat menguasai lombong bijih timah. Selain itu, perlombongan bijih timah yang berisiko tinggi kerana bimbang lombong yang diusahakan mempunyai sedikit bijih timah juga merupakan sebab pembesar melayu tidak mengusahakan perlombongan bijih timah. Selain itu, tindakan British yang memaksa pembesar Melayu memajakkan lombong kepada pengusaha Eropah juga merupakan sebab utama. Selain itu, kekurangan galakan daripada sultan juga menyebabkan lombong bijih timah tidak dapat dimajukan. Pembesar melayu tidak meneruskan usaha lombong bijih timah kerana terlalu bergantung kepada sultan.

6

Calon sederhana dapat memberi jawapan tetapi isi tidak memenuhi kehendak soalan. Isi jawapan yang diberi masih betul tetapi tidak mencukupi.



8 b) (Pada pendapat saya, British telah merampas dan menguasi. British telah membawa buruh cina untuk mengusahakannya.) (British telah memperkenalkan peralatan moden seperti kapal korek, pam kelikir dan sebagainya. Penduduk tempatan tidak dapat melawan kerana mereka hanya menggunakan dengan cara tradisional ialah iaitu mendulang). (Pergaduhan antara pembesar menyebabkan British masuk campur.

Jawapan calon lemah tidak tepat, menyeleweng dan mengulangi apa yang dipersoalkan dalam soalan. Isi jawapan tidak begitu jelas dan tidak memenuhi sebagaimana dikehendaki.



8b. Cara pembesar melayu untuk kekal menguasai lombong antaranya dengan cara menguasai kawasan lombong tanah, pembesar misti meminta surat kuasa daripada kerajaan British. Disamping itu pembesar melayu harus berbaik dengan sultan supaya sultan kurnia tanah kepada mereka.

pembesar juga misti berbaik dengan pekerja lombong supaya kerja-kerja lombong boleh terus dilaksanakan.

pembesar juga misti menggunakan teknologi baru seperti kapal korek.

Soalan 8 (c)

Jawapan calon cemerlang baik, tersusun, bahasa mudah dan struktur ayatnya senang difahami. Isi jawapan mencukupi sebagaimana yang dikehendaki.

8 c) Tindakan yang boleh dilakukan ialah ~~meng~~ mempelajari ilmu orang lain dan digunakan sendiri untuk menguasai perusahaan bijih timah terutamanya bidang teknologi. Pembesar Melayu harus mengikis sikap malas mereka supaya dapat memajukan perusahaan lombong bijih timah. Pembesar Melayu boleh berjimat-cermat dan mengumpul modal untuk memajukan perusahaan lombong bijih timah apabila mencukupi. Pembesar Melayu harus berani mengambil risiko kerana jika tapak perlombongan ~~bijih~~ itu kaya dengan bijih timah, pembesar Melayu akan mendapat pulangan lumayan yang berkali ganda. Pembesar Melayu boleh meminta pendapat orang lain ~~untuk mengu~~ tentang cara-cara terbaik untuk menguasai ~~ter~~ perusahaan lombong bijih timah. Pembesar boleh mengambil tindakan tegas dengan tidak memajakkan tapak perlombongan bijih timah kepada luar ~~dan~~ dan mengambil peluang untuk memajukan lombong bijih timah secara perlahan-lahan. Pembesar Melayu boleh meminta bantuan sultan untuk mengubal undang-undang khas untuk menjaga kepentingan pembesar Melayu terhadap lombong bijih timah.

Jawapan calon sederhana masih baik dan struktur ayatnya sempurna. Isi yang diberi diikuti dengan penerangan yang jelas, tetapi isi jawapan tidak mencukupi.

c) Para pembesar perlu meningkatkan pengetahuan mereka tentang bidang perlombongan supaya dapat memikirkan cara untuk memajukan bidang tersebut. Mereka patut mendapatkan galakan daripada pihak pemerintah. Bidang teknologi mereka perlu ditingkatkan supaya teknologi moden seperti kapal korek boleh digunakan untuk menggantikan mesa, dan tenaga buruh. Selain itu, bilangan pekerja juga patut ditambah. Kawasan melombong perlu dikenal pasti supaya para pembesar mempunyai lebih banyak kawasan untuk melombong. Modal untuk perusahaan perlu ditambah kerana peranan modal besar adalah amat penting.

Isi jawapan calon lemah tidak mencukupi sebagaimana kehendak soalan.

8 c) Tindakan yang sepatutnya diambil oleh pembesar Melayu ialah tidak bergaduh sesama pembesar supaya British tidak dapat campur tangan. Mencipta peralatan baru untuk mengusahakan perlombongan tersebut.

Soalan 9 (a) (i)

Calon cemerlang dapat menjelaskan Dasar Pertanian Negara dengan tepat dan memenuhi kehendak tugasan soalan. Jawapan calon mencakupi tujuan dan cara pelaksanaan Dasar Pertanian Negara.

No. soalan: 9

(a)

(i) (Dasar Pertanian Negara (DPN) bertujuan untuk membangunkan ~~meningkatkan~~ ekonomi petani luar bandar) (Selain itu, DPN bertujuan untuk meningkatkan ~~ek~~ pendapatan petani dan ~~and~~ mereka yang terlibat dalam indurtri pembuatan) (DPN juga mengamalkan pembangunan in-situ untuk petani-petani luar bandar) DPN telah menyediakan kemudahan ~~Petani-petani luar bandar dibedkan~~ pasaran kepada para petani luar bandar. mereka juga ~~pinjaman dan diberikan dibeidkan pasaran pertanian~~, diberikan pinjaman serta diberi galakan terutamanya kpd org Melayu ~~untuk~~ penyertaan ~~nyertai~~ dlm bidang ~~pt~~ pertanian.

8

Calon sederhana hanya dapat menjelaskan sebahagian daripada matlamat dan pelaksanaan Dasar Pertanian Negara.

No. soalan: 9 (a)

1) Dasar Pertanian ~~Petataman~~ Negara ialah sebuah dasar pembangunan ekonomi ~~negara~~ yang di perkenal untuk memenuhi keperluan ekonomi moden.) Melalui dasar ini ~~se~~ rakyat malaysia digalakkan untuk menjalankan pertanian. (Kerajaan akan membantu melalui pinjaman bank atau pun pemberian baja dan biji benih.) (Felda ditubuhkan bagi memberikan tanah kepada peneroka) (Bank pertanian juga ditubuhkan.) Selain itu, kerajaan mengadakan khursus kepada petani-petani.)

2

Calon lemah tidak menjawab kehendak tugasan soalan. Jawapan calon menyeleweng daripada kehendak soalan.

(i) Dasar pertanian negara bertujuan membantu rakyat membeli barangan pertanian dengan mudah. Sayur-sayuran, hasil ternakan seperti kambing, ayam dan sebagainya mudah diperolehi. Sekaligus memudahkan orang ramai membeli barang keperluan. (Selain itu hasil pertanian yang banyak berpeluang untuk dieksport.)

Soalan 9 (a) (ii)

Calon cemerlang dapat menjelaskan tujuan dan cara pelaksanaan Dasar Persyarikatan Malaysia dengan betul. Jawapan calon memenuhi kehendak tugasan soalan.

(ii) Dasar Persyarikatan Malaysia bertujuan untuk meningkatkan ekonomi Negara. Negara Malaysia dianggap sebagai sebuah syarikat dan dimiliki ~~oleh p~~ bersama oleh pekerja² sektor k'jaan dan sektor swasta bekerjasama untuk meningkatkan ekonomi negara. Sektor kerajaan juga menghantar pegawai-pegawainya masuk ke dalam sektor swasta supaya boleh berkongsi teknologi dan sektor swasta perlu mengetahui ~~organisasi~~ sistem pentadbiran ~~and~~ dan organisasi kerajaan.

Calon sederhana hanya mampu menjawab sebahagian sahaja daripada kehendak tugasan soalan. Calon seolah-olah masih tidak memahami maksud Dasar Persyarikatan Malaysia.

9(a)(ii)

(Dasar pesyarikatan malaysia dilancarkan oleh Dato' Seri Dr. Mahathir Muhamad pada tahun 1990). Dasar ini menggalakkan perubahan syarikat-syarikat yang pelbagai di Malaysia. (Dalam hal ini kerajaan dan swasta menjadi tuan punya syarikat). (Di mana kebitangan mereka masih bersama-sama menguruskan syarikat tersebut).

intro TK F4 F6

2

Calon lemah sebenarnya langsung tidak memahami pengertian Dasar Persyarikatan Malaysia. Calon cuba menjawab tetapi secara umum sahaja.

ii) Dasar persyarikatan Malaysia ialah salah satu dasar pembangunan ekonomi negara. Melalui persyarikatan, proses ~~sesebuah~~ pembangunan ekonomi akan lebih teratur dan sistematik. Selain itu, kerajaan tidak lagi perlu memberi perhatian kepada sektor-sektor ekonomi yang tertentu yang telah disyarikatkan. Kerajaan ~~lebih~~ hanya perlu memberi penekanan kepada sektor ekonomi luar bandar.

intro TK TK

Jawapan calon terpesong daripada kehendak soalan! 0

iii) -

Soalan 9 (a) (iii)

Calon cemerlang dapat menjelaskan Dasar Penswastaan menepati kehendak tugasan soalan. Jawapan calon menjurus menerangkan tujuan dan cara pelaksanaan dasar tersebut.

(iii) Dasar Penswastaan telah diperkenalkan oleh Dato. Dr. Sri Mahadhir Muhammad. Dasar ini bertujuan untuk mengurangkan kos penanggungan negara ~~serta~~ dan meningkatkan ekonomi negara. Selain itu, dasar ini bertujuan untuk mewujudkan sistem pentadbiran dan pengurusan yang lebih cepat dan berkesan. Sebuah jawatankuasa dikenali IPE telah diperkenalkan bertujuan untuk memberi panduan kepada ~~se bn se~~ bahagian kementerian atau syarikat² kerajaan yang ingin diswastakan ~~seb~~ secara menyeluruh atau sebahagian. Antara syarikat yang terlibat dalam dasar penswastaan ialah syarikat Aeroid, ~~Telekom dan Tenaga~~ Syarikat Telekom dan syarikat TNB

Tulis di kedua-dua belah muka surat

Calon sederhana hanya dapat menjelaskan sebahagian daripada tujuan Dasar Penswastaan. Jawapan calon juga bercampuraduk dan bersifat umum sahaja.

(iii) (Dasar Penswastaan ialah dasar yang menukarkan syarikat ~~kerajaan kepada ke~~ ~~Syarikat~~ milik kerajaan kepada syarikat swasta. Namun tidak semuanya ditukar secara penuh ke swasta tetapi hanya separuh kerana syarikat tersebut ~~ter~~ milik kerajaan dan juga swasta.) (Dasar penswastaan ~~te~~ ini telah dilakukan Unit Perancangan Ekonomi (UPE))

Calon lemah kurang memahami Dasar Penswastaan. Calon menjawab secara umum sahaja. Jawapan calon agak kabur dan seolah-olah direka.

(iii)

Dasar penswastaan telah memberi banyak faedah kepada negara. Melalui dasar ini jumlah pelancong yang datang melawat negara semakin bertambah. Tambahan pula dengan promosi-promosi yang dijalankan kerajaan. (Contoh syarikat swasta ialah Tenaga Nasional Berhad, Telekom, Pos Malaysia dan sebagainya)

Soalan 9 (b)

Calon cemerlang dapat menjelaskan dengan tepat kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh kerajaan hasil daripada pelaksanaan Dasar Pertanian Negara, Dasar Persyarikatan Malaysia dan Dasar Penswastaan.

No. soalan: 9(b), 9(c)

b) (Kejayaan yang telah dicapai oleh kerajaan melalui dasar-dasar tersebut amat memberangsangkan. Syarikat Petronas sebagai contoh, telah menjadi antara 10 ~~syar~~ syarikat terkaya di dunia. Selain itu, Telekom Malaysia Berhad telah menjadi syarikat telekomunikasi terbaik dan berkualiti. (Selain itu, setiap tahun, Malaysia menghadapi peningkatan ~~ekonomi~~ dan perkembangan ekonomi yang positif. Malaysia kini telah menjadi antara negara dimana ekonominya berkembang dengan pantas di belakang China.) (Kerajaan dapat menjimatkan beban kewangan. (Mutu perkhidmatan agensi seperti elektrik semakin baik).

Calon sederhana tidak memahami kehendak tugasan yang perlu dilaksanakan. Jawapan calon bercampuraduk dan bersifat umum sahaja.

Antara kejayaan yang telah dicapai oleh kerajaan melalui dasar-dasar tersebut ialah dapat meningkatkan ~~ekom~~ ekonomi negara. Selain itu, pihak kerajaan dapat menjimatkan masa dalam pengurusan pentadbiran. ~~Pihak kerja~~ Dengan dasar ~~tersebut juga~~ penswastaan pihak kerajaan dapat mengusahakan perkara-perkara yang lain dalam urusan pentadbiran.

M1 F8 Umum 2

Calon lemah memberikan penjelasan secara ringkas dan tidak menepati kehendak tugasan soalan. Calon gagal menghubungkaitkan ketiga-tiga dasar tersebut terhadap kejayaan kerajaan yang melaksanakannya.

(b) ~~A~~ Melalui dasar-dasar pembangunan Ekonomi yang diperkenalkan ~~kejayaan~~ banyak kejaya yang telah dicapai oleh kerajaan. Industri pertanian ~~iaitu~~ telah ~~menyumbang~~ mendapat hasil yang banyak kesan daripada peningkatan sawah padi.

M1 1

Soalan 9 (c)

Calon cemerlang dapat memberikan pendapat yang bernas berkaitan peranan generasi muda dalam memajukan ekonomi negara. Calon mampu menggunakan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif dengan berkesan.

(c) Peranan generasi muda Malaysia dalam memajukan ekonomi negara ialah dengan menimba ilmu pengetahuan. Dengan adanya ilmu pengetahuan pelbagai kejayaan dan bidang sains dan teknologi boleh dicapai. Para remaja juga melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran teknikal. Ini dapat meningkatkan produktiviti negara dan sekaligus memajukan ekonomi negara. Tambahan itu, generasi muda perlu mempunyai semangat patriotisme yang tinggi. Dengan adanya semangat ini, generasi muda akan melakukan apa sahaja demi kepentingan negara dan memajukan negara. Generasi muda perlu juga menyahut cabaran-cabaran dari luar seperti pertandingan mencipta robot. Generasi muda perlulah memasuki pertandingan yang berkaitan dengan sains dan teknologi pada peringkat sekolah dan boleh dikembangkan ilmu itu yang mampu mencipta sesuatu yang baru seperti teknologi baru yang akan meningkatkan ekonomi negara.

Calon sederhana dapat mengaplikasikan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif sewaktu menjawab soalan ini. Bagaimanapun, terdapat beberapa isi jawapan calon yang tidak munasabah.

No. soalan: 9 (c)

9c - 3

(Antara peranan generasi muda Malaysia dalam memajukan ekonomi negara ialah para pelajar haruslah mempelajari ilmu ekonomi sewaktu persekolahan menengah. Contohnya mempelajari subjek-subjek yang berkaitan dengan ekonomi seperti Ekonomi Asas dan Perdagangan.) Generasi muda juga haruslah bersama-sama melibatkan dalam memajukan ekonomi negara seperti melibatkan diri dalam pertanian kerana dengan hasil pertanian yang baik, kita dapat mengeksportnya ke luar negara. (Generasi muda Malaysia haruslah belajar bersungguh-sungguh supaya berjaya dalam hidup dan mendapat pekerjaan yang baik dan secara tidak langsung dapat memajukan ekonomi negara). (Selain itu, kecerdikan dan kepandaian otak generasi muda ini harus digunakan untuk membuat kajian dalam teknologi sains dan mencipta peralatan teknologi canggih yang masih belum terdapat di dalam pasaran lagi.)

Calon lemah sebenarnya tidak berani memberikan pendapat tentang peranan generasi muda dalam memajukan ekonomi negara. Calon masih terikat dengan pengetahuan daripada buku teks semata-mata. Calon belum lagi menguasai kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif.

9(c) (Generasi muda Malaysia berperanan dalam ekonomi negara). Generasi muda akan menjadi pemimpin yang akan datang. Generasi muda seharusnya di beri pendedahan awal supaya ekonomi Malaysia terus stabil. (Generasi muda dapat mengurangkan kekurangan tenaga kerja dan limpahan buruh asing. Hal ini dapat mengelakkan wang malaysia mengalir keluar.)

**SARANAN KEPADA CALON**

1. Menguasai keseluruhan kandungan sukatan pelajaran.
2. Memahami dan mengenal pasti dengan jelas tugasan soalan sebelum menjawabnya. (Calon perlu menguasai teknik mentafsir kehendak soalan).
3 Pengagihan masa yang seimbang bagi tiap-tiap soalan.
4 Memberi perhatian kepada peruntukan markah sebagai panduan untuk mengemukakan isi dalam jawapan.
5 Beri tumpuan utama kepada soalan yang mempunyai peruntukan markah yang banyak.
6 Mengenal pasti skop masa untuk soalan yang akan dijawab.
7 Menggunakan teknik menjawab yang betul. Bahagian A dibolehkan menggunakan frasa yang ringkas dan padat. Manakala Bahagian B hendaklah menjawab dengan menggunakan ayat-ayat yang lengkap serta teknik pemerengganan yang sepatutnya.
8 Calon hendaklah menguasai kemahiran KBKK dalam pembelajaran Sejarah.
9 Jangan menduga atau meramal soalan. Kuasai keseluruhan kandungan pelajaran.
10 Calon perlu menguasai teknik mengaitkan kehendak soalan dengan fakta, huraian dan contoh yang berkaitan dengan topik dan sukatan pelajaran.
11 Calon perlu memahami kata tugas soalan seperti: senaraikan, berikan, terangkan, jelaskan, huraikan dan sebagainya yang menjadi kata kunci kehendak sesuatu soalan dengan baik.
12 Calon perlu menguasai format peperiksaan kertas ini dengan baik serta teknik menjawab soalan dengan berkesan.
13 Calon tidak digalakkan meramal soalan.
14 Calon dinasihatkan untuk menjawab soalan yang mereka tahu mengikut format. Tidak digalakkan menjawab semua soalan, tetapi jawapan yang diberikan tidak kemas, atau langsung tidak menjawab bahagian B, atau menjawab kurang daripada tiga soalan di bahagian B.
15 Calon hendaklah memahami cara menjawab soalan secara terbuka. Contohnya soalan yang meminta pandangan seperti setuju atau tidak bersetuju serta soalan yang berteraskan kepada kemahiran berfikir atau KBKK seperti ”berdasarkan pemerhatian anda.....”
16 Calon harus membiasakan diri dengan *buku teks* dalam mencari jawapan dan tidak bergantung kepada buku rujukan.
17 Sejarah perlu diminati dan difahami khususnya berkaitan istilah dan konsep.
18 Mata pelajaran Sejarah perlu difahami bukan dihafal.

## SARANAN KEPADA GURU

1. Guru perlu meningkatkan kemahiran menyampaikan maklumat kepada pelajar.
2. Pastikan sukatan pelajaran ditamatkan mengikut jadual. Guru perlu menghabiskan sukatan pelajaran dan memastikan semua tajuk diajar.
3. Mendedahkan konsep-konsep penting kepada pelajar.
4. Memberi tumpuan kepada kedua-dua aspek kemahiran mengingat fakta dan membuat penjelasan sebagai persediaan kepada calon.
5. Menitikberatkan latihan berasaskan KBKK. Guru perlu membiasakan pelajar-pelajar dengan soalan yang berbentuk KBKK
6. Pengajaran dan pembelajaran subjek Sejarah hendaklah merentas mata pelajaran lain.
7. Utamakan pelajar mengemukakan pendapat berasaskan fakta yang terdapat dalam buku teks.
8. Pengajaran hendaklah berfokuskan buku teks sebagai sumber rujukan utama.
9. Melatih pelajar menggunakan teknik menjawab yang betul.
10. Membiasakan pelajar menjawab item latihan yang setara dengan piawaian LPM.
11. Guru menimba pengalaman dalam pembinaan item untuk meningkatkan keupayaan membina item yang setara dengan piawaian LPM.
12. Guru perlu mengaitkan isu semasa dengan topik yang diajarkan.
13. Guru perlu mempelbagaikan teknik pengajaran dan pembelajaran untuk menarik minat pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah terutamanya kepada pelajar bukan Melayu dan daripada aliran Sains.
14. Guru perlu menguasai dan pakar dalam mata pelajaran Sejarah yang diajar melalui bacaan dan rujukan tambahan supaya dapat menjelaskan sesuatu isu dengan jelas.
15. Sukatan pelajaran hendaklah diajarkan mengikut *tema-tema* yang ditetapkan.Pastikan guru mendedahkan *urutan tema-tema* dalam pengajaran dan pembelajaran supaya pelajar jelas dan dapat menguasai isi pelajaran dengan mudah.
16. Membuat *latihan* secara terpimpin agar pelajar sentiasa dimotivasikan.
17. Dedahkan pelajar dengan *latih tubi-latih tubi soalan* struktur dan esei.
18. Dedahkan kepada pelajar tentang *kepelbagaian bentuk soalan* dengan penggunaan kata tugas yang pelbagai.
19. Pastikan dan pandu arah pelajar menjwab soalan mengikut kehendak *kata tugas* yang sering digunakan dalam kertas soalan Sejarah.
20. Dedahkan juga pelajar dengan soalan-soalan yang bercorak *KBKK* kerana soalan ini banyak ditonjolkan dalam kertas soalan Sejarah pada tahun ini.
21. Pelajar juga haruslah didedahkan dengan *format kertas soalan* yang sebenar seperti dalam dalam kertas peperiksaan SPM semasa melaksanakan peperiksaan dalaman
22. Guna kepelbagaian *kaedah dalam* sekolah.
23. Jangan galakkan pelajar *meramal* soalan.
24. Gunakan pengajaran dan pembelajaran yang menarik minat pelajar terutamanya penggunaan ICT dalam pengajaran.